

07 FEB 1997

Mahathir-Cuepacs

TUNTUTAN CUEPACS BERGANTUNG KEPADA KEDUDUKAN KEWANGAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tuntutan Cuepacs supaya kerajaan menaikkan imbuhan tetap perumahan kakitangan awam kepada RM230 sebulan akan bergantung kepada kedudukan kewangan kerajaan.

Pada ketika ini kakitangan dalam kumpulan pengurusan dan profesional menerima RM110 manakala kumpulan sokongan sebanyak RM90.

Ketika bercakap kepada pemberita di rumah terbuka MCA sempena perayaan Tahun Baru Cina di Wisma MCA di sini, Perdana Menteri berkata Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang mengkaji tuntutan Cuepacs itu.

Tuntutan itu ialah antara empat memorandum yang dikemukakan oleh Cuepacs kepada JPA awal bulan lepas.

Memorandum lain ialah mengenai bayaran pencen, sistem matriks dan Persyarikatan Malaysia.

Dr Mahathir berkata beliau sedang menunggu laporan daripada JPA mengenai permintaan Cuepacs itu.

"Kita nak tunggu JPA beri pendapat," kata beliau.

Ditanya sama ada permintaan Cuepacs itu mempunyai harapan, Perdana Menteri berkata: "Tak tahu."

Kepada soalan sama ada kerajaan akan memberi elaun kepada kakitangan awam yang bertugas di bandar raya, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak membuat sebarang keputusan.

Sementara itu, Presiden Cuepacs Mohamad Mat Jid mengalu-alukan kenyataan Dr Mahathir dan berharap JPA akan menyegerakan kajian mereka terhadap memorandum Cuepacs itu.

"Kita hanya minta pertimbangan yang adil daripada kerajaan," kata beliau ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata berdasarkan kepada keadaan ekonomi negara dan kewangan kerajaan sekarang, permintaan Cuepacs itu munasabah dan seharusnya diterima oleh kerajaan.

Mohamad berkata Cuepacs memberi penuh keyakinan kepada Perdana Menteri untuk menyelesaikan perkara itu "kerana kita tahu bahawa Dr Mahathir adalah seorang yang adil".

Kali terakhir Mohamad berjumpa dengan Dr Mahathir bagi membincangkan tuntutan Cuepacs itu ialah pada 29 Oktober lepas di Jabatan Perdana Menteri.

Dalam pertemuan itu yang turut dihadiri oleh Setiausaha-Agung Cuepacs S.Siva Subramaniam, Dr Mahathir dilaporkan telah meminta Cuepacs mengemukakan permintaan dan cadangan mereka kepada JPA.

Mohamad berkata sehingga kini, JPA belum memberi sebarang maklumbalas kepada Cuepacs mengenai memorandum mereka. --BERNAMA

ES AR